

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**PERUBAHAN TARIKH-TARIKH BAGI PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM  
PERSEKOLAHAN ARAB DAN PEMILIHAN CALON KE SEKOLAH ARAB TAHUN 2021**

**Selasa, 08 Muharram 1443H bersamaan 17 Ogos 2021M –**

Berikutan situasi jangkitan COVID-19 pada masa ini dan sebagaimana nasihat yang telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan di dalam sidang media situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu, 07 Ogos 2021, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil perhatian mengenai langkah-langkah pengawalan bagi sama-sama membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat ketetapan bagi **penangguhan pelaksanaan peperiksaan bertulis bagi peperiksaan-peperiksaan awam persekolahan Arab dan Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab** yang dikendalikan oleh Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei [LPPUB]) seperti berikut:

Bil	Nama Peperiksaan	Pelaksanaan Peperiksaan	
		Tarikh Asal	Tarikh Baharu
i)	Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB)	19 Ogos – 08 September 2021	22 November – 13 Disember 2021
ii)	Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB)	19 Ogos – 09 September 2021	Disember 2021 / Januari 2022
iii)	Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB)		
iv)	Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab (PCKSA)	27 & 29 Ogos 2021	24 & 26 September 2021

Sehubungan dengannya, pihak Urus Setia LPPUB sukacita memohon kerjasama dan jasa baik pihak sekolah untuk menasihat dan mengingatkan semua calon yang akan menduduki peperiksaan-peperiksaan berkenaan supaya terus membuat ulang kaji dan sentiasa bersedia untuk menghadapi peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan, di samping terus mengikuti apa jua nasihat dan saranan pihak Kementerian Kesihatan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan peperiksaan awam bagi persekolahan Arab tersebut adalah masih tertakluk jua kepada perkembangan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan sebarang perubahan tarikh dan maklumat mengenai peperiksaan-peperiksaan di atas akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, bolehlah dirujuk ke Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam melalui emel [peperiksaan@jpi.edu.bn](mailto:peperiksaan@jpi.edu.bn).

- TAMAT -

Disediakan oleh:

**Jabatan Pengajian Islam**  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Rujukan: KHEU/BPA/PR269/OGOS2021  
Tarikh: 08 Muharram 1443H / 17 Ogos 2021M

M.S: 1 - 1